

**UCAPAN ALUAN
MAJLIS MENANDATANGANI DOKUMEN PERJANJIAN
BAGI PERKHIDMATAN PENGUJIAN PELEPASAN ASAP
KENDERAAN BERENJIN DIESEL
DI ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR DENGAN
SYARIKAT PUSPAKOM SENDIRIAN BERHAD**

**DI DEWAN BAIDURI
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

23 Ogos 2013

OLEH

**YANG BERBAHAGIA DATO' HALIMAH HASSAN
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR MALAYSIA**

Saudara/ Saudari Pengerusi Majlis,

Bismillahirrahmanirrahim

**Yang Berhormat Datuk Seri G. Palanivel
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar**

**Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd. Khamil Jamil
Pengarah Urusan
Kumpulan DRB-Hicom Berhad**

**YBhg. Datuk Mohamed Razeek Md Hussain
Ketua Pegawai Operasi
Kumpulan DRB-Hicom Berhad**

**Yang Berbahagia En. Mohammed Shukor Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM**

**Yang Berusaha Dr. Zulkifli bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Alam Sekitar**

**Pengarah-pengarah dan Pegawai-pegawai Kanan NRE, JAS
dan PUSPAKOM,**

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia.

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan
izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Menandatangani
Dokumen Perjanjian Perkhidmatan Pengujian Pelepasan Asap
Kenderaan Berenjin Diesel Di Antara Jabatan Alam Sekitar (JAS)
dengan PUSPAKOM pada pagi ini.

Saya juga ingin mengucapkan “Selamat Datang” dan “Selamat
Hari Raya Aidilfitri” kepada YB Datuk Seri, Tan Sri, Dato'-Dato',
serta Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

Terima kasih kepada semua kerana sudi melapangkan masa menghadiri majlis pada pagi ini.

Tan Sri, Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

Pencemaran daripada Kenderaan Bermotor

Pelepasan asap dan gas-gas pencemar seperti karbon monoksida (CO), hidrokarbon (HC), oksida-oksida nitrogen (NOx) serta partikulat (PM) atau habuk daripada ekzos kenderaan bermotor adalah dikawal di bawah Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996. Kesalahan kerana tidak mematuhi had pelepasan yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan ini boleh dikenakan kompaun maksimum RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu).

Pelepasan asap hitam yang ketara dari kenderaan bermotor boleh menimbulkan aduan awam dan kacau ganggu. Di samping itu juga kenderaan bermotor merupakan penyumbang utama pencemar karbon monoksida (CO) iaitu 95 peratus daripada jumlah keseluruhan pelepasan gas CO.

Pelepasan asap dan gas-gas pencemar dari ekzos kenderaan juga boleh mengakibatkan pembentukan pencemar sekunder iaitu ozon (O₃) yang terbentuk akibat daripada tindak balas pencemar-

pencemar daripada ekzos kenderaan dengan cahaya matahari. Peningkatan paras ozon di permukaan bumi ini terutamanya di pusat bandar dan kawasan yang sering kali sesak dengan lalulintas adalah amat berbahaya kepada kesihatan awam.

Penguatkuasaan Pelepasan Asap Dari Kenderaan

Kawalan pelepasan asap hitam berlebihan dari ekzos kenderaan bermotor merupakan salah satu tindakan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar. Bagi 2013 (sehingga 30 Jun 2013), Jabatan Alam Sekitar telah menjalankan pemeriksaan ke atas 76,373 buah kenderaan diesel yang ditahan semasa melaksanakan operasi statik di jalan-jalan utama di seluruh negara dan sebanyak 18,876 buah kenderaan telah diuji menggunakan meter asap. Daripada jumlah kenderaan yang diuji ini, sebanyak 1,216 buah kenderaan telah dikompaun kerana gagal mematuhi had pelepasan asap yang ditetapkan iaitu tidak melebihi 50 HSU.

Tan Sri, Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Usaha Peningkatan Pematuhan

Bagi memastikan pematuhan berterusan pelepasan asap dari kenderaan diesel, Jabatan Alam Sekitar telah melaksanakan penguatkuasaan melalui tiga kaedah iaitu :

- i) **Operasi Statik** : Operasi ini dijalankan di seluruh negara di kawasan-kawasan strategik sepanjang jalan raya utama di mana kenderaan diesel yang didapati melepaskan asap hitam berlebihan akan ditahan dan diuji dengan menggunakan meter asap. Kompaun akan dikenakan bagi mana-mana kenderaan yang melepaskan asap hitam melebihi 50 HSU. Perintah Larangan akan dikeluarkan jika kenderaan tersebut didapati melepaskan asap hitam melebihi 70 HSU;

- ii) **Operasi AWASI** : Operasi "*Area Watch And Sanction Inspection*" - melalui program AWASI ini, skuad Peronda JAS menjalankan rondaan di jalan-jalan dalam kawasan bandar dan persekitarannya. Apabila sesuatu kenderaan itu didapati melepaskan asap hitam, kenderaan itu akan ditahan dan ujian akan dilakukan ke atas kenderaan tersebut secara "*in-situ*". Tindakan serta-merta akan dikenakan terhadap tuan punya kenderaan yang gagal mematuhi had pelepasan asap hitam yang ditetapkan; dan,

- iii) **Operasi visual kamera:** Setiap JAS Negeri telah melaksanakan pemantauan pelepasan asap hitam berlebihan secara visual dengan menggunakan **kamera video**.

Tan Sri, Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Disebabkan kekangan dari segi sumber tenaga manusia serta kemudahan infrastruktur di JAS, kerja-kerja untuk menjalankan ujian pelepasan asap kenderaan terpaksa dilaksanakan di tempat-tempat awam seperti di kawasan stadium tempat letak kenderaan, di kawasan lapang yang berdekatan dengan pejabat-pejabat negeri atau cawangan, dan tapak pasar malam. Ini menimbulkan keadaan yang kurang selesa kepada pemandu, orang awam dan juga kakitangan JAS sendiri di samping masalah kesukaran mendapat tempat yang sesuai untuk operasi tersebut.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut Jabatan akan menjalankan ujian pelepasan asap kenderaan berenjin diesel secara "*outsourcing*" kepada PUSPAKOM. Dalam hal ini, satu Prosedur Tetap Operasi (SOP) yang lebih komprehensif telah disediakan oleh JAS supaya kerja-kerja pengujian asap di PUSPAKOM kelak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Tan Sri, Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Dengan pelaksanaan prosedur ini, hanya seorang pegawai JAS yang terlatih dan kompeten perlu hadir di cawangan-cawangan PUSPAKOM untuk mengawal selia serta membuat pengesahan ke atas setiap pengujian yang akan dilaksanakan oleh petugas PUSPAKOM. Petugas PUSPAKOM ini juga telah dilatih dan mendapat sijil kompetensi daripada JAS. Kehadiran pegawai JAS di PUSPAKOM adalah merupakan satu prosedur yang diperlukan di bawah undang-undang. Proses untuk “*outsource*” ujian asap ini kepada pihak ketiga dan pembentukan prosedur-prosedur terbabit telah dibuat melalui beberapa sesi “*mini lab*”.

Dengan ini, pegawai-pegawai penguatkuasa JAS dengan kapasiti yang sedia ada yang amat terhad akan dapat memberi tumpuan yang lebih kepada kerja-kerja penguatkuasaan ke atas pelepasan asap kenderaan di seluruh negara.

Tan Sri, Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Usaha Kerajaan Membantu Rakyat

Sebagai usaha meringankan bebanan kepada tuan punya kenderaan, kerajaan akan menanggung kos ujian untuk setiap ujian asap buat kali pertama. Walau bagaimanapun, sekiranya tahap pelepasan asap kenderaan tersebut masih tidak mematuhi had yang ditetapkan pada 50 HSU (*Hartridge Smoke Unit*) atau kesalahan berulang, kos ujian perlu ditanggung oleh pemilik

kenderaan. Ini bermakna kos ujian akan ditanggung oleh kerajaan hanya sekali sahaja untuk tempoh satu tahun bagi setiap kenderaan.

Tan Sri, Dato'-Dato' , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kerjasama semua pihak dan agensi yang berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan lain-lain agensi dalam memuktamadkan proses penyediaan dokumen perjanjian "*outsource*" perkhidmatan pengujian pelepasan asap kenderaan berenjin diesel ini.

Akhir kata saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja Majlis dan pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung serta telah bertungkus lumus dalam menjayakan Majlis pada pagi ini.

Terima kasih.